AVORAL EFFERVESCENT GRANULES

Natrium Sitrat/Asid Sitrik/Asid Tartarik/Natrium Bikarbonat (0.63g/0.72g/0.89g/1.76g)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Avoral
2. Bagaimana Avoral berfungsi
3. Sebelum menggunakan Avoral
4. Cara menggunakan Avoral
5. Semasa menggunakan Avoral
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Avoral
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Avoral

Avoral digunakan untuk melegakan ketidakselesaan yang berpunca daripada jangkitan saluran air kencing termasuk melegakan simptom sakit ketika membuang air kecil. Ia berkemungkinan meningkatkan tindakan sesetengah antibiotic terutamanya Sulphonamide, dan membantu mencegah penghasilan kristal urea bagi pesakit gout terutamanya bila dirawat menggunakan uricosurics seperti allopurinol. Avoral juga boleh digunakan untuk melegakan simptom berkaitan penghasilan jus gastrik yang berlebihan.

Bagaimana Avoral berfungsi

Avoral mengandungi Natrium Bikarbonat, Natrium Sitrat, Asid Sitrik dan Asid Tartarik yang bertindak sebagai bahan pengalkali dengan meningkatkan pembuangan ion bikarbonat bebas yang terdapat di dalam air kencing, sekaligus meningkatkan pH dalam air kencing.

Sebelum menggunakan Avoral

Bila tidak boleh menggunakan

Dilarang menggunakan Avoral jika anda:

- Mempunyai masalah buah pinggang
- Mempunyai hypernatremia (kadar sodium yang tinggi dalam darah)
- Mengambil ubat hexamine mandelate atau hexamine hippurate
- Mengambil ubat antibiotik jenis quinolone
- Mempunyai alkalosis metabolik (badan kehilangan banyak asid)
- Mempunyai alkalosis pernafasan (tahap karbon dioksida dalam darah yang sangat rendah)
- Mempunyai hypocalcaemia (kadar kalsium yang rendah dalam darah)
- Mempunyai hypochlorhydria (kadar asid hidrokrolik yang rendah dalam perut)
- Mempunyai Addison's disease (penyakit kelenjar adrenal)
- Mengalami dehidrasi (kekurangan air dalam badan)
- Mengalami kekejangan haba (kekejangan di bahagian abdomen, tangan dan kaki disebabkan oleh dehidrasi
- Mengalami masalah jantung (tidak diketahui punca dan tiada simptom)
- Mempunyai kerosakan pada otot dan tisu jantung

Sebelum mula menggunakan Avoral

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Avoral jika:

- Anda sedang mengamalkan diet tanpa natrium
- Anda hamil atau sedang menyusukan anak
- Anda mengambil ubat-ubatan lain termasuk herba dan makanan tambahan.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau kebelakangan ini mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Avoral

Berapa banyak harus digunakan

Larutkan 1-2 paket di dalam segelas air (200ml), empat kali sehari atau seperti preskripsi doktor.

Bila perlu digunakan

Boleh diambil selepas makan. Larutkan di dalam air sejuk sebelum minum. Pastikan anda mengambil air yang mencukupi.
Sila ikut preskripsi doktor atau ahli farmasi.

Berapa lama perlu digunakan

Doktor akan mengubah dos mengikut keperluan anda. Sila ikut arahan doktor atau ahli farmasi.

Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlepas dos, dilarang mengambil dos berganda. Dos yang berganda akan menyebabkan dos yang berlebihan.

Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Dos yang berlebihan akan menyebabkan hypokalaemia (kadar serum kalium yang rendah dalam darah) dan alkalosis metabolik terutamanya pesakit buah pinggang. Simptom termasuk perubahan mood, keletihan, pernafasan yang perlahan, otot yang lemah dan degupan jantung yang tidak sekata. Pergerakan otot yang tidak sekata dan kekejangan otot juga berlaku terutamanya pesakit hypocalcaemia (kadar serum kalsium yang rendah dalam darah). Rawatan untuk alkalosis metabolik yang berkait dengan dos bikarbonat yang berlebihan melibatkan pembetulan kadar air dan elektrolit dalam badan. Pembetulan ion kalsium, klorida dan natrium juga perlu diambil kira. Sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda.

Semasa menggunakan Avoral

Perkara yang perlu dilakukan

- Amalkan pengambilan Avolac pada waktu yang sama setiap hari.
- Larutkan dalam air sejuk
- Sila pastikan anda minum air secukupnya

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Dilarang menggandakan dos.
- Dilarang mengambil ubatan baharu sebelum berjumpa dengan doktor.
- Dilarang memberikan Avoral kepada kanak-kanak sebelum berunding dengan doktor atau ahli farmasi, walaupun mereka mempunyai simptom-simptom yang sama seperti anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda mengalami symptom seperti perubahan mood, keletihan, pernafasan yang perlahan, otot yang lemah, degupan jantung tidak sekata dan alunan otot tidak sekata, sila berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin.

Kesan-kesan sampingan

- Kekejangan perut
- Mual
- Kembung perut
- Efek julap yangringan
- Alkalosis sistemik
- Hypernatremia (penigkatan kadar plasma sodium di dalam darah)

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau masalah alahan. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas juga boleh berlaku pada sesetengah orang. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui lawan web npra.gov.my *[Consumers →Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]*.

AVORAL EFFERVESCENT GRANULES

Natrium Sitrat/Asid Sitrik/Asid Tartarik/Natrium Bikarbonat (0.63g/0.72g/0.89g/1.76g)

Cara penyimpanan dan pelupusan Avoral

Penyimpanan

Simpan di tempat sejuk, bawah 30°C.
Simpan di tempat yang kering.
Jauhi dari kanak-kanak.
Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Avoral merupakan serbuk effervescent putih dengan perisa lemon, menghasilkan larutan yang jernih atau sedikit keruh apabila dilarutkan di dalam air. Tidak mengandungi kandungan gula atau gula buatan. Produk ini boleh didapati dalam bungkusan 12 sachet. Setiap sachet mengandungi 4g serbuk effervescent.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Natrium Bikarbonat, Natrium Sitrat, Asid Sitrik dan Asid Tartarik.

Bahan tidak aktif

Lemon lime flavour.

Nombor MAL

MAL17117038XC

Pengilang

Unison Nutraceuticals Sdn. Bhd.
No. 13, Jalan Tasik Utama 52,
Kawasan Perindustrian Tasik Utama,
75450 Ayer Keroh, Melaka.

Pemegang Pendaftaran Produk

Apex Pharmacy Marketing Sdn. Bhd.
No. 2, Jalan SS 13/5,
47500 Subang Jaya, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

09/07/2024

Nombor Siri

NPRA(R2/1)230920/1143